



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### KENYATAAN MEDIA

#### JPA TIDAK TERLIBAT DALAM PEMBERSIHAN LONGGOKAN SAMPAH DI JALAN GOMBAK

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh Malaysiakini bertarikh 18 November 2019 bertajuk '**Dekan Universiti hantar 6 beg sampah ke Foodpanda**' yang menyebut '*The Star* melaporkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tampil untuk membersihkan kawasan berkenaan. Ia merupakan satu daripada 10 kawasan pembuangan sampah haram sepanjang 26km Jalan Gombak Lama-Bentong (FT068) di bawah pemantauan jabatan berkenaan'.

Pihak kami berasa kesal atas pelaporan yang tidak tepat ini dan memohon pihak Malaysiakini membuat pembetulan atas kenyataan tersebut.

Tindakan sewajarnya daripada pihak tuan diperlukan bagi menjawab kemusykilan orang ramai yang menghubungi JPA, sekaligus dapat membersihkan nama JPA berhubung isu ini.

#####

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 19 November 2019  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (73)